

# Suu Kyi: Myanmar boleh disingkir daripada ASEAN

UM 2 1 JUL 2003

**P**UTRAJAYA 20 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran bahawa Myanmar mungkin boleh disingkirkan daripada ASEAN jika junta tentera negara itu terus tidak mempedulikan desakan dunia supaya membebaskan pemimpin pro-demokrasi, Aung San Suu Kyi.

Perdana Menteri yang memainkan peranan penting membawa masuk Myanmar ke dalam ASEAN pada tahun 1997 bagaimanapun berkata, langkah tersebut hanya akan dipertimbangkan sebagai pilihan terakhir.

“Kita perlu meneliti daripada pelbagai sudut sebelum mengambil tindakan drastik seperti itu,” kata Dr. Mahathir

dalam satu wawancara eksklusif dengan AFP menjelang lawatan Presiden Perancis, Jacques Chirac ke Malaysia, Selasa ini.

“Pada akhirnya, ia mungkin berlaku seperti itu. Saya tidak menyatakan bahawa ia tidak boleh dilakukan tetapi yang pastinya bukan pada masa ini,” tegas beliau.

Suu Kyi ialah pemimpin parti Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD) yang menang besar pada pilihan raya 1990 tetapi kemenangan tersebut tidak diiktiraf oleh junta tentera Myanmar.

Beliau berada dalam tahanan kerajaan sejak 30 Mei lalu.

Pihak junta Myanmar tidak menyatakan bilakah beliau akan dibebaskan walaupun

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mendesak supaya Suu Kyi dibebaskan.

“Malaysia telah pun memaklumkan kepada mereka (Myanmar) bahawa kami sangat kecewa dengan penahanan Suu Kyi dan kami berharap beliau akan dibebaskan secepat mungkin.

“Mereka (kerajaan Myanmar) telah menghantar seorang utusan untuk bertemu saya dan saya memberitahunya bahawa inilah pandangan Malaysia.

“Kami sangat kecewa berhubung perkara itu dan telah melakukan yang terbaik untuk membuatkan mereka mengubah fikiran mereka tetapi sekiranya mereka tidak mempedulikan pandangan dunia, apa yang boleh Malaysia lakukan?” tegas Dr. Mahathir.

Isu Myanmar telah pun menggoncang ASEAN yang sebelum ini dikritik kerana dasarnya untuk tidak mencampuri urusan dalaman negara anggota.

“Kami tidak mengkritik dasar negara anggota ASEAN kecuali apabila sesebuah negara itu memalukan kami atau mencetuskan masalah kepada kami,” jelas Dr. Mahathir.

“Kami tidak mengkritik Myanmar kerana melakukan sesuatu yang tidak ada kena mengena” dengan kami tetapi apa yang mereka lakukan itu memberi kesan kepada kami, terutamanya daripada segi kredibiliti.

“Oleh itu, kami menyuarakan pandangan kami,” tambah beliau.